

23 AUG 2002

MAHATHIR-KEJAYAAN/I

PRESTASI BAIK EKONOMI M'SIA KEJAYAAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 23 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan prestasi menggalakkan ekonomi Malaysia yang membantu menepis segala kritikan sebagai kejayaan negara dan bukan peribadi.

"Saya tidak kisah dengan kejayaan peribadi. Ini adalah kejayaan negara dan saya adalah salah seorang anggota daripada sebuah pasukan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Dan Simposium Generasi FELDA Se-Malaysia, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata demikian ketika ditanya sama ada beliau menganggapnya sebagai kejayaan peribadi apabila negara berjaya mempamerkan pertumbuhan ekonomi lebih baik hasil daripada langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani kesan krisis kewangan serantau pada 1997.

Pendekatan Malaysia dalam menangani pergolakan ekonomi tersebut adalah dengan memperkenalkan kawalan modal termasuk tambataan ringgit yang mendapat kritikan daripada banyak pihak sebelum ini.

Dr Mahathir berkata "Ya, kita telah berjaya menutup segala kritikan terhadap Malaysia".

Baru-baru ini Bank Negara mengumumkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku kedua menggalakkan pada 3.8 peratus yang berkemungkinan menyebabkan bank pusat itu menyemak semula unjuran tahun penuhnya pada 3.5 peratus.

Malaysia mencatatkan KDNK 0.4 peratus pada 2001 dan 1.1 peratus bagi suku pertama tahun ini.

Satu lagi petunjuk utama pemulihan ekonomi adalah penutupan operasi Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) selepas berjaya menyelesaikan masalah pinjaman tidak berbayar (NPL) yang membelenggu sistem perbankan.

Gabenor Bank Negara, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz berkata penyusunan semula sistem perbankan dilaksanakan pada kos yang lebih murah di bawah 5.0 peratus daripada KDNK, jauh mengatasi jangkaan agensi penarafan antarabangsa yang mengunjurnya ia melebihi 40 peratus. -- BERNAMA

SHO KTC ZK